



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN, PENERIMAAN DAN KEBERKESANAN PROSEDUR STANDARD KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENCEGAH COVID-19 DI SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD HAFIZ BIN MUSTAFA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDARAN, PENERIMAAN DAN KEBERKESANAN PROSEDUR
STANDARD KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENCEGAH
COVID-19 DI SEKOLAH MENENGAH**

MOHD HAFIZ BIN MUSTAFA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja kursus

Doktor Falsafah

	✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 16(hari bulan) Oktober(bulan) **2023**

i. Perakuan pelajar:

Saya, **MOHD HAFIZ BIN MUSTAFA, M20201000613, FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO.MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESEDARAN, PENERIMAAN DAN KEBERKESANAN PROSEDUR STANDARD KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENCEGAH COVID-19 DI SEKOLAH MENENGAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiati dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia:

Saya **PROFESOR MADYA DR. AZALI BIN RAHMAT** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESEDARAN, PENERIMAAN DAN KEBERKESANAN PROSEDUR STANDARD KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENCEGAH COVID-19 DI SEKOLAH MENENGAH** (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama diatas,dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepuhunya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KESIHATAN** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESEDARAN, PENERIMAAN DAN KEBERKESANAN PROSEDUR STANDARD KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENCEGAH COVID-19 DI SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric No.: M20201000613

Saya / I: MOHD HAFIZ BIN MUSTAFA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT@ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihakberkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah S.W.T, tuhan sekalian alam di atas segala limpah rahmat-Nya dan selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur, dengan izin Allah S.W.T, akhirnya saya telah berjaya menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan dapat menyiapkan penulisan tesis ini. Setinggi penghargaan kepada pihak UPSI kerana memberi peluang kepada saya menjadi pelajar peringkat sarjana dan menimba ilmu dan pengalaman. Setinggi penghargaan juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di atas penganugerahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk saya menyambung pengajian. Jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya Prof. Madya Dr. Azali bin Rahmat di atas bantuan, bimbingan, tunjuk ajar serta sokongan padu mereka kepada saya. Tanpa sokongan dan bantuan mereka tidak mungkin saya dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pengetua sekolah dan rakan-rakan guru yang turut memberikan bantuan dan dorongan sepanjang pengajian saya. Teristimewa ucapan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan, memberikan sokongan moral, bantuan serta memahami keadaan saya yang sedang belajar. Semoga Allah S.W.T sentiasa memberkati dan merahmati segala perjuangan insan-insan dalam menuntut ilmu untuk kebaikan bersama. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran, penerimaan dan keberkesanannya perlaksanaan Prosedur Standard Kawalan Pergerakan (SOP) norma baharu COVID-19 dalam kalangan murid sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Selain itu, hubungan antara kesedaran murid dengan penerimaan norma baharu serta hubungan antara penerimaan murid dengan keberkesanannya perlaksanaan SOP norma baharu COVID-19 dalam persekitaran sekolah juga turut dikaji. Seramai 310 orang murid yang terdiri daripada 103 orang murid lelaki (33.2 %) dan 207 orang murid perempuan (66.8%) telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 40 item telah digunakan sebagai alat pengumpulan data. Data telah dianalisis menggunakan statistik Paket Sains Sosial (SPSS) Versi 27.0. Analisis statistik deskriptif (analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (analisis korelasi dan analisis regresi) telah digunakan dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran, penerimaan dan keberkesanannya perlaksanaan SOP norma baharu COVID-19 dalam persekitaran sekolah berada pada tahap tinggi iaitu masing-masingnya adalah $M=4.653$, $SP=.483$, $M=4.429$, $SP=.612$ dan $M=4.573$, $SP=.559$. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara kesedaran murid dengan penerimaan norma baharu ($r=.667$, $p=.000$) serta penerimaan murid dengan keberkesanannya perlaksanaan SOP norma baharu COVID-19 dalam persekitaran sekolah ($r=.685$, $p=.000$). Kesimpulannya, dapatkan kajian ini telah berjaya memperoleh hasil yang positif dengan berjaya mengadaptasi serta menerima norma baharu yang telah diaplikasikan dengan sangat baik. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat dijadikan garis panduan kepada pihak kerajaan untuk membangunkan SOP norma baharu yang lebih strategik, dinamik dan mampan. Seterusnya, memudahkan pihak sekolah dalam melaksanakannya SOP norma baharu tanpa mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta mampu mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif kepada murid.





AWARENESS, ACCEPTANCE, AND EFFECTIVENESS OF STANDARD OPERATION PROCEDURE TO PREVENT COVID-19 IN SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

This study aims to examine the level of awareness, acceptance and effectiveness of implementing the Standard Operation Procedure (SOP) COVID-19' new norm among students in the District of Seremban, Negeri Sembilan. In addition, the relationship between student awareness and acceptance of the new norm as well as student acceptance and the effectiveness of implementing the new norm SOP COVID-19 in the school environment also used. A total of 310 students randomly selected as respondents consisted of 103 male students (33.2 %) and 207 female students (66.8 %). The data collection instrument used was a set of questionnaires containing 40 items. Data were analyzed using the Social Science Package Statistics (SPSS) Version 27.0. Statistical analysis used in this study was descriptive (frequency, percentage, mean and standard deviation) and inferential (correlation analysis and regression analysis). The findings show that the level of awarness, acceptance and effectiveness of the implementation of the new norm SOP COVID-19 in the school environment is at a high level that, respectively, $M = 4.653$, $SP = .483$, $M = 4.429$, $SP = .612$ and. $M = 4.573$, $SP = .559$. This study's findings also indicate a strong and significant positive relationship between student situation awareness and acceptance of the new norm situation ($r=.667$, $p=.000$) as well as student acceptance with the effectiveness of the implementation of the new norm SOP COVID-19 in the school environment ($r = .685$, $p = .000$). In conclusion, the findings of this study have succeeded in obtaining positive results where students can adapt as well as accept new norms that have been applied very well and show confidence in the effectiveness of the implementation of SOP new norms implemented by the school. Therefore, the findings of this study expected to be a guideline for the government to develop new SOP norms that are more strategic, dynamic and sustainable to facilitate schools in implementing them without disrupting the teaching and learning process, and able to create a safe and conducive school environment for students.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Skop Kajian	14
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Definisi Istilah	17
1.8.1	COVID-19	17
1.8.2	Norma Baharu	17
1.8.3	SOP (Standard Operation Procedure)	18





1.8.4	Maklumat Formal dan Informal	18
1.8.5	Kesedaran	19
1.8.6	Penerimaan	19
1.8.7	Keberkesanan	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Teori Kesedaran Situasi (<i>Situational Awareness</i>)	21
2.3	Kerangka Teoritikal Kajian	24
2.3.1	Kajian-kajian di bawah Teori Kesedaran	27
2.3.2	Kajian Terhadap Keberkesanan Norma Baharu	29
2.4	COVID-19 Darurat Kesihatan Awam	33
2.5	Faktor Penyebaran COVID-19	34
2.6	Pendidikan Ketika Pandemik Wabak COVID-19	36
2.7	Kesedaran Situasi: Persepsi, Pemahaman dan Jangkaan terhadap Norma Baharu bagi Pencegahan COVID-19	51
2.7.1	Pelitup Muka	57
2.7.2	Jarak Fizikal	58
2.7.3	Kurangkan Interaksi	58
2.7.4	Kebersihan Tangan	59
2.8	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	62
-----	------------	----





3.2	Kerangka Konseptual Kajian	62
3.3	Reka Bentuk Kajian	64
3.4	Populasi Kajian	65
3.5	Kaedah Persempelan	66
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	69
3.7	Instrumen Penyelidikan	70
3.8	Skala Pengukuran	71
3.9	Pengesahan Alat Ukur (Kesahan dan Kebolehpercayaan)	72
3.9.1	Nisbah Kesahan Kandungan - <i>Content Validity Ratio</i> (CVR)	75
3.9.2	Indeks Kesahan Kandungan - <i>Content Validity Index</i> (CVI)	79
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	80
3.11	Kajian Rintis	82
3.12	Analisis Data	83
3.12.1	Analisis Data Deskriptif	84
3.12.2	Analisis Inferensi	84
3.12.2.1	Analisis Korelasi	84
3.13	Pertimbangan Etika	86
3.14	Rumusan	86

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	88
4.2	Latar Belakang Responden	89
4.3	Objektif 1: Tahap Kesedaran Murid terhadap Situasi Norma Baharu COVID-19 dalam Persekutuan Sekolah	90





4.4	Objektif 2: Tahap Penerimaan Murid Tentang Situasi Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	92
4.5	Objektif 3: Tahap Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	95
4.6	Objektif 4: Hubungan antara Tahap Kesedaran Murid dengan Penerimaan Situasi Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	98
4.7	Objektif 5: Hubungan antara Penerimaan Murid dengan Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	99
4.8	Rumusan	100

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	101
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	102
5.2.1	Tahap Kesedaran Situasi Pelajar terhadap Situasi Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	102
5.2.2	Tahap Penerimaan Pelajar Situasi tentang Situasi Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	104
5.2.3	Tahap Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norman Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	106
5.2.4	Hubungan antara Tahap Kesedaran Situasi Pelajar dengan Penerimaan Situasi Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	108
5.2.5	Hubungan antara Penerimaan Pelajar dengan Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norma Baharu COVID-19 dalam Persekitaran Sekolah	110





5.3	Implikasi Kajian	112
5.4	Cadangan	113
5.4.1	Melibatkan Komuniti dalam Rancangan Pembukaan Semula Sekolah	114
5.4.2	Menyasarkan Sumber kepada Mereka yang Paling Memerlukan	114
5.4.3	Menjadikan Persekutaran Sekolah Selamat	115
5.4.4	Memulihkan Kehilangan Pembelajaran	116
5.5	Kesimpulan	117
RUJUKAN		119
LAMPIRAN		





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Meta Analisis Kajian-kajian Pedagogy Murid dan Pelajar Sekolah Semasa Pandemik COVID-19 melanda	40
2.2 Garis Panduan dan Cadangan mengenai Langkah-langkah Pencegahan COVID-19 dalam Persekutaran Sekolah di Dunia	53
3.1 Jadual Penentuan Ukuran Sampel	68
3.2 Senarai Sekolah Tingkatan Enam di Daerah Seremban	69
3.3 Kandungan Soal Selidik	70
3.4 Skala Likert Soal Selidik	71
3.5 Pengelasan Frekuensi Skor Min	72
3.6 Senarai Panel Pakar bagi Kesahan Instrumen Kajian	74
3.7 Senarai Panel Pakar Bahasa	75
3.8 Mengkod Skala Persetujuan	77
3.9 Nisbah Kesahan Kandungan- <i>Content Validity Ratio</i> (CVR)	78
3.10 Bilangan Pakar dan Implikasi kepada Penerimaan Skor <i>Cut-Off-Point CVI</i>	80
3.11 Tafsiran Skor Alpha Cronbach	81
3.12 Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian Rintis	82
3.13 Pengkelasan Kolerasi Pearson	85
4.1 Latar Belakang Responden	89
4.2 Frekuensi Tahap Kesedaran Pelajar terhadap Situasi Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	91





4.3	Purata Tahap Kesedaran Pelajar terhadap Situasi Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	92
4.4	Frekuensi Tahap Penerimaan Pelajar Tentang Situasi Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	93
4.5	Purata Tahap Penerimaan Pelajar Tentang Situasi Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	94
4.6	Frekuensi Tahap Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	96
4.7	Purata Tahap Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	98
4.8	Hubungan antara Tahap Kesedaran Pelajar dengan Penerimaan Situasi Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	99
4.9	Hubungan antara Penerimaan Pelajar dengan Keberkesanan Perlaksanaan SOP Norma Baharu COVID-19 di dalam Persekutaran Sekolah	100





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Model Kesedaran Situasi Endsley (1995). Sumber: Model of situation awareness. Reprinted with permission from human factors, vol 37, No 1, 1995. Copyright 1995 by The Human and Ergonomics Society. All right reserved	24
2.2 Kerangka Teoritikal Kajian	25
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	63





SENARAI SINGKATAN

COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
CVI	Indeks Kesahan Kandungan (<i>Content Validity Index</i>)
CVR	Nisbah Kesahan Kandungan (<i>Content Validity Ratio</i>)
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	pengajaran dan pembelajaran di rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPE	<i>Personal Protective Equipment</i>
SARS-CoV-2	<i>The Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard (<i>Standard Operating Procedure</i>)
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TRA	Teori Tingkahlaku Terancang
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia





SENARAI LAMPIRAN

- A Kebenaran Menjalankan Kajian (KPM)
- B Kebenaran Menjalankan Kajian (JPNS)
- C Kebenaran Menjalankan Kajian (RMIC)
- D Borang Soal Selidik
- E Borang Kesahan Kandungan Instrumen Kajian Soal Selidik
- F Borang Kesahan Pakar Bahasa
- G Ujian Kebolehpercayaan Instrumen





BAB 1

PENDAHULUAN



Pada 30 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan bahawa COVID-19 adalah "*Kecemasan kesihatan awam yang menjadi perhatian antarabangsa*" (Elengoe, 2020). Semua negara bersiap sedia untuk mengatasi wabak tersebut. WHO telah melaporkan bahawa jumlah keseluruhan kes telah mencapai sekitar 2 juta kes di seluruh dunia dengan mencatatkan 450,000 kes kematian. Lebih daripada 80 peratus berkenaan berlaku di Eropah dan Pasifik Barat, termasuk China (Ashford et al., 2021). COVID-19 atau dikenali sebagai novel coronavirus SARS-CoV-2 yang merupakan sindrom jangkitan pernafasan akut teruk dan mempengaruhi semua kumpulan umur, dengan manifestasi kesihatan terburuk dan kadar kematian tertinggi dijumpai dalam kalangan individu yang lebih tua dan pesakit dengan komorbiditi (Mamun et al, 2020). Selain membawa kepada banyak masalah dan cabaran dalam





bidang kesihatan, wabak COVID-19 mewujudkan impak pergolakan yang tidak dijangka dalam masyarakat dan ekonomi (Cao et al, 2020).

Kes COVID-19 pertama kali dilaporkan di Malaysia adalah pada 2 Januari 2020. Gelombang pertama berakhir pada 17 Februari dengan hanya mencatatkan 22 kes sahaja. Namun, Malaysia kembali mencatat kes baharu bermula pada 27 Februari 2020 dan meningkat dari hari ke hari. Berikutan dengan penularan wabak COVID-19 sejak Mac 2020, kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah segera seperti mengadakan sekatan pergerakan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memikul tanggungjawab dalam menjalankan modus operandi sistem kesihatan awam Malaysia ‘vis a vis’ pandemik COVID-19. Malaysia telah berjaya melandaikan kes positif COVID-19 bermula awal pertengahan tahun 2020 sehingga awal September 2020. Kes positif COVID-19

kembali meningkat berikutan dengan keputusan kerajaan mengadakan Pilihanraya Negeri Sabah pada 26 September 2020 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Sejak itu Malaysia terpaksa berhadapan dengan jumlah kes yang begitu ketara dan kerajaan kembali mengadakan sekatan pergerakan iaitu PKP bagi menyekat penularan wabak ini. Mulai 25 Januari 2020 sehingga 23 Januari 2021, KKM melaporkan sejumlah jangkitan harian kes positif COVID-19 mencecah empat angka sehari dan jumlah kes positif COVID-19 mencapai sekitar 667,876 kes positif dengan kadar kematian melibatkan seramai 4,069 orang dan situasi seperti ini amat membimbangkan.

Sejak mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan perintah kawalan pergerakan (PKP) kali pertama pada Mac 2020, negara masih gagal keluar dari kemelut memerangi pandemik ini. Baru-baru ini, kerajaan sekali lagi





terpaksa melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) 3.0 yang lebih ketat bermula pada 1 Jun 2021 dan di jangka berterusan sehingga hujung tahun 2021 sebagai langkah lebih drastik dalam usaha mengawal dan melandaikan jangkitan COVID-19 yang semakin berleluasa selepas gelombang yang pertama dan kedua pada tahun 2020 (Hasmuk et al, 2020). Kelemahan pencegahan wabak ini menyebabkan jangkitan mobilisasi umum secara besar-besaran kepada orang awam termasuk merisikokan pelajar sekolah dan pusat pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia melaporkan sebanyak 39 kluster dengan 1,420 kes melibatkan sub kategori sekolah atau institusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dikesan dari 1 Januari 2021 hingga 20 April 2021 yang melibatkan pelajar sekolah (Bernama, 2021). Lebih 64,064 pelajar sekolah di bawah usia 12 tahun telah dijangkiti COVID-19 sejak Mei 2021. Sungguhpun kesan jangkitan ke atas pelajar-pelajar di bawah usia 12 tahun tidak kritikal berbanding orang dewasa dan warga emas (Safadi, 2020), situasi ini sangat membimbangkan pihak kerajaan. KPM perlu lebih realistik dan komited dalam memastikan persekitaran norma baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan terutama apabila sekolah dan institusi pendidikan kembali dibuka.

Para remaja adalah warganegara global yang merupakan agen perubahan yang kuat dan merupakan generasi akan datang yang bakal mengambil alih struktur kemajuan negara. Krisis kesihatan dunia sejak penularan wabak COVID-19 melanda telah memberi peluang kepada para untuk belajar, memupuk kasih sayang dan meningkatkan daya tahan sambil membina komuniti yang lebih selamat dan prihatin. Memupuk kesedaran dengan menyediakan maklumat dan fakta mengenai COVID-19 telah membantu mengurangkan ketakutan dan kegelisahan para pelajar mengenai penyakit ini dan menyokong kemampuan mereka untuk menghadapi sebarang kesan





sekunder dalam kehidupan mereka. Justeru, usaha Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan strategi, perancangan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi menghadapi norma baharu di dalam persekitaran sekolah adalah sangat penting. Kerajaan juga dilihat telah mempertimbangkan untuk melibatkan pentadbir sekolah, guru dan kakitangan, ibu bapa, penjaga serta anggota masyarakat dalam mempromosikan sekolah yang selamat dan sihat.

Memandangkan seluruh dunia pertama kali menghadapi situasi norma baharu pasca COVID-19, tidak ada strategi yang paling tepat dalam memastikan keberkesanan sebarang langkah pencegahan wabak COVID-19 dalam persekitaran norma baharu terutama dalam membuat keputusan membuka sekolah kepada para pelajar (Melnick & Darling-Hammon, 2020). Menurut WHO keputusan untuk kembali membuka sekolah harus mempertimbangkan tiga perkara berikut :

- i. Pemahaman semasa mengenai penularan dan tahap jangkitan COVID-19 pada pelajar sekolah
- ii. Situasi tempatan dan epidemiologi COVID-19 di mana sekolah berada
- iii. Perancangan strategik dan kemampuan sekolah untuk mengekalkan langkah pencegahan dan kawalan COVID-19 ke atas pelajar serta kakitangan yang terlibat

Selain itu, faktor tambahan yang perlu dipertimbangkan dalam membuat keputusan mengenai waktu penutupan atau pembukaan semula sekolah adalah termasuk menilai risiko-risiko seperti ketidakhadiran pelajar, jurang pendidikan yang





meningkat, akses makanan yang terbatas, keganasan dalam rumah tangga akibat tidak stabilnya ekonomi, serta perlunya sokongan bagi ibu bapa dan penjaga, terutamanya mereka yang bekerja dalam sektor awam (United Nations Educational, Scientific & Cultural Organization, 2020).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan perubahan besar dalam kehidupan masyarakat global, termasuk di Malaysia. Salah satu tindak balas utama yang diambil oleh kerajaan adalah memperkenalkan norma-norma baru dan langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan penyebaran virus (Wise, 2020). Dalam konteks pendidikan, sekolah menjadi lingkungan yang sangat penting untuk memastikan perlindungan dan keselamatan pelajar, guru, dan staf.

Negeri Sembilan tidak terkecuali daripada kesan pandemik ini. Pemilihan Negeri Sembilan sebagai lokasi kajian berdasarkan beberapa faktor yang relevan. Pertama, Negeri Sembilan telah mencatatkan kadar jangkitan COVID-19 yang signifikan, memberi peluang untuk mengkaji impak dan tindak balas terhadap pandemik ini (Utusan Online, 2021). Tambahan pula, Negeri Sembilan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, terutamanya di kawasan seperti Daerah Seremban. Kepadatan ini boleh mempercepatkan penularan virus dan mencipta konteks yang unik untuk kajian mengenai SOP norma baharu dalam kalangan pelajar. Negeri Sembilan juga mempunyai ciri-ciri demografi, sosioekonomi, dan infrastruktur pendidikan yang





pelbagai, yang memberikan wawasan yang luas mengenai bagaimana pandemik ini mempengaruhi pelajar dari latar belakang yang berbeza.

Secara khususnya, Daerah Seremban dipilih sebagai lokasi untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah terpilih. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), populasi penduduk Daerah Seremban adalah yang tertinggi di Negeri Sembilan, dengan kira-kira 630,999 orang. Kepadatan penduduk yang tinggi ini berpotensi mempercepatkan penularan wabak COVID-19 dalam kalangan komuniti, termasuk di kalangan pelajar sekolah. Selain itu, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2021) mencatatkan jumlah kes positif COVID-19 yang dilaporkan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seremban adalah tertinggi di negeri tersebut. Malah, kes positif yang melibatkan pelajar di Daerah Seremban juga menduduki tangga tertinggi di seluruh

Negeri Sembilan menurut sumber yang sama. Keadaan ini menunjukkan kepelbagaiannya penularan virus dalam komuniti pendidikan di daerah ini. Oleh itu, sangat sesuai kajian ini dijalankan di Daerah Seremban untuk mengkaji tahap kesedaran, penerimaan, dan keberkesanan SOP norma baharu dalam mencegah COVID-19 di sekolah.

Dalam usaha mengawal penularan virus, kerajaan telah mengeluarkan panduan dan dasar yang melibatkan pelaksanaan SOP COVID-19 di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan ini bergantung kepada sejauh mana pelajar memahami situasi norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah (Prati & Mancini, 2021). Dalam menghadapi situasi ini, tahap kesedaran pelajar menjadi faktor penting dalam menilai potensi kejayaan pelaksanaan SOP. Kesedaran merangkumi pemahaman pelajar tentang ancaman COVID-19, cara penularannya, dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegahnya. Pada awal pandemik, banyak





maklumat yang tersebar melalui media massa dan sumber dalam talian. Walau bagaimanapun, penting untuk memahami sejauh mana maklumat ini diterima dan difahami oleh pelajar, terutamanya dalam konteks sekolah (Van Bavel et al., 2020).

Tambahan pula, salah satu aspek penting dalam kejayaan pelaksanaan langkah-langkah ini adalah tahap penerimaan pelajar terhadap situasi norma baharu COVID-19 di dalam lingkungan sekolah. Tahap penerimaan pelajar merangkumi sejauh mana mereka menerima dan mengamalkan perubahan yang diperlukan dalam kehidupan sekolah sebagai respons terhadap pandemik. Ini termasuklah penggunaan pelitup muka, menjaga jarak sosial, dan mengelakkan kerumunan. Penerimaan ini boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk pemahaman pelajar mengenai keperluan dan faedah langkah-langkah ini, persepsi mengenai kesukaran dan keselesaan dalam mengikutinya,

dan juga pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah (Prati & Mancini, 2021).

Dalam hal ini, keberkesanan pelaksanaan SOP norma baharu dalam konteks sekolah melibatkan beberapa aspek. Pertama, ia berkaitan dengan sejauh mana langkah-langkah pencegahan yang ditetapkan dalam SOP dapat dilaksanakan dengan betul dan konsisten oleh pelajar dan staf sekolah. Ini termasuklah penggunaan masker, pemeliharaan jarak sosial, pengaturan penggunaan ruang, dan juga kebersihan tangan yang berkala (Wise, 2020). Kedua, keberkesanan juga merujuk kepada kesan nyata pelaksanaan SOP tersebut dalam mencegah penyebaran virus di sekolah. Ini boleh diukur melalui data kadar jangkitan di sekolah sejak pelaksanaan SOP diperkenalkan. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan SOP norma baharu tidak semestinya mudah. Terdapat cabaran-cabaran pelbagai yang mungkin dihadapi oleh pelajar dan staf dalam mematuhi SOP ini. Sebagai contoh,





kesukaran dalam menjaga jarak sosial dalam persekitaran sekolah yang sesak atau keterhadapan akses kepada kemudahan pembersihan boleh menghalang pelaksanaan yang efektif (Prati & Mancini, 2021). Tambahan pula, persepsi mengenai risiko peribadi dan tahap pengetahuan yang tidak mencukupi tentang SOP boleh mempengaruhi tahap pematuhan.

Berhubung dengan ini, cara pelajar merespons dan menerima norma-norma baru ini adalah amat penting dalam usaha memastikan kejayaan pelaksanaan SOP di sekolah. Tahap kesedaran pelajar mengenai ancaman dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 memainkan peranan penting dalam membentuk penerimaan mereka terhadap situasi norma baharu ini. Kesedaran pelajar mengenai keseriusan penyakit, cara penularannya, dan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencegahnya akan

memberi impak langsung kepada sejauh mana mereka menerima perubahan dalam tingkah laku dan rutin harian di sekolah (Shi et al., 2014). Jika pelajar mempunyai pemahaman yang jelas mengenai kepentingan langkah-langkah pencegahan, mereka lebih cenderung menerima dan melaksanakan norma-norma baru tersebut dengan tekad. Walau bagaimanapun, kesedaran itu sendiri tidak semestinya mencukupi untuk memastikan penerimaan terhadap norma-norma baru. Selain maklumat yang tepat, faktor-faktor psikologi juga memainkan peranan penting dalam membentuk penerimaan. Contohnya, kebimbangan, rasa cemas, dan persepsi mengenai risiko peribadi boleh mempengaruhi tahap kesiapan pelajar untuk mengubah tingkah laku dan menerima norma-norma baru (Van Bavel et al., 2020). Pelajar yang merasakan bahawa langkah-langkah pencegahan ini relevan dengan keadaan mereka dan berkesan dalam melindungi diri dan orang lain mungkin lebih bersedia menerima norma-norma tersebut dengan sikap positif.



Akhir sekali, pelbagai respons, penerimaan, dan pematuhan pelajar terhadap SOP COVID-19 secara langsung mempengaruhi kesan langkah-langkah pencegahan di sekolah. Penerimaan pelajar terhadap SOP ini menjadi faktor utama dalam menentukan kejayaan pelaksanaannya. Penerimaan melibatkan pemahaman tentang pentingnya langkah-langkah ini, kesiapan untuk mengubah tingkah laku selaras dengan SOP, dan persepsi tentang manfaat pelaksanaan ini (Prati & Mancini, 2021). Impak positif daripada penerimaan yang kukuh adalah penting untuk memastikan pelaksanaan yang konsisten dan berkesan. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan termasuk persepsi tentang keberkesanan langkah-langkah pencegahan. Keyakinan pelajar terhadap keberkesanan SOP dalam mencegah penularan virus dan melindungi kesihatan boleh mendorong pematuhan terhadap arahan-arahan tersebut. Tambahan pula, sokongan sosial dan persekitaran sekolah juga mempengaruhi penerimaan.

Sokongan dari guru, staf, dan rakan sebaya boleh memberikan keselesaan dan motivasi kepada pelajar.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Tahap kesedaran, penerimaan, dan keberkesanan dalam melaksanakan SOP norma baharu merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha mencegah penularan COVID-19 di kalangan pelajar sekolah menengah. Namun, terdapat isu-isu yang perlu diberi perhatian dalam konteks ini. Pertama, penting untuk menilai sejauh mana tahap kesedaran pelajar sekolah menengah terhadap ancaman dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang diperlukan. Kedua, perlu diperhatikan sejauh mana penerimaan pelajar terhadap SOP norma baharu dan kemampuan mereka untuk



melaksanakannya dalam konteks sekolah. Ketiga, perlunya mengukur sejauh mana keberkesanan pelaksanaan SOP norma baharu dalam mencegah penularan COVID-19 di kalangan pelajar sekolah menengah.

Isu kurangnya kesedaran di kalangan pelajar sekolah menengah terhadap ancaman dan tindakan yang diperlukan dalam menghadapi COVID-19 merupakan persoalan yang menjadi fokus kajian ini. Kajian oleh Shi et al. (2014) menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan amalan pencegahan masih berada pada tahap rendah, yang berpotensi meningkatkan penularan virus. Begitu juga, kajian yang dilakukan oleh Kar, Verma dan Saxena (2020) turut mengesahkan bahawa kesedaran tentang penjagaan kebersihan dan penjarakan sosial dalam norma baharu pasca COVID-19 masih rendah. Fenomena ini memunculkan perbincangan berkaitan Teori Penolakan dalam psikologi perilaku manusia. Teori ini menggambarkan bagaimana individu cenderung menolak atau mengabaikan ancaman yang sulit diterima secara emosional atau kognitif (Van Bavel et al., 2020). Dalam konteks pandemik COVID-19, beberapa individu mungkin enggan mengambil serius penyakit ini disebabkan oleh rasa takut atau cemas yang menghalangi pemahaman mereka. Fenomena ini dapat mengakibatkan penurunan minat mereka untuk menerima informasi mengenai pandemik dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang diperlukan. Kurangnya kesedaran terhadap COVID-19 di kalangan pelajar sekolah menengah mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk kurangnya informasi yang tepat, pengaruh media sosial yang menyesatkan, kurangnya rasa tanggung jawab, dan kurangnya pemahaman tentang keperluan untuk menerima norma-norma baharu (Prati & Mancini, 2021; Harper, Satchell & Fido, 2020).





Selain itu, terdapat sebahagian pelajar sekolah menengah yang enggan menerima maklumat dan kesan yang tidak positif berkenaan COVID-19, dan hal ini dapat diartikan sebagai tanda ketidakbersediaan mereka untuk menghadapi kenyataan yang tidak diingini. Hal ini dapat diterangkan dengan menggunakan konsep "pengelakan kognitif" dalam psikologi, di mana individu berusaha untuk mengelak atau mengurangkan pemikiran dan maklumat yang mungkin mengganggu kesejahteraan emosi mereka (Hayes, Strosahl & Wilson, 2004). Dalam konteks pandemik, beberapa pelajar mungkin enggan menerima maklumat negatif tentang COVID-19 karena hal tersebut dapat memicu perasaan tidak nyaman, cemas, atau takut. Meskipun menerima kenyataan tersebut bisa menjadi langkah awal untuk menghadapi situasi dengan lebih baik, penolakan terhadap maklumat negatif tersebut dapat menghambat kemampuan mereka untuk mengambil tindakan yang tepat dan mematuhi norma-norma baru yang

diperlukan untuk melindungi diri dan orang lain (Pakpour, Griffiths & Lin, 2020; Sheeran et al., 2016).

Di samping itu, ketidakbersediaan sebahagian pelajar sekolah menengah untuk mengubah sikap juga dapat dihubungkan dengan konsep teori pelaziman dalam psikologi. Teori ini menjelaskan bagaimana individu cenderung mempertahankan tingkah laku yang sudah menjadi kebiasaan, kecuali jika mereka dihadapkan dengan ganjaran atau hukuman yang cukup kuat untuk mengubahnya (Skinner, 1953). Dalam konteks ini, pelajar mungkin telah terbiasa dengan sikap atau pandangan tertentu sebelum wabak COVID-19, sehingga perubahan tersebut dianggap sebagai usaha yang memerlukan usaha ekstra atau menimbulkan rasa tidak nyaman. Sebagai contoh, mereka mungkin terbiasa dengan kebebasan tanpa batasan, tetapi ketika dihadapkan





pada situasi yang memerlukan pembatasan seperti dalam pandemik ini, mereka mungkin merasa terkejut dan enggan untuk mengubah sikap mereka.

Menyelusuri situasi pandemik COVID-19, Malaysia telah beralih dari tahap pengekangan ke tahap mitigasi (Ferlito & Perone, 2020). Isu kehidupan norma baru dalam menjalani kehidupan selepas tahap mitigasi merupakan satu anjakan paradigma yang besar dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya apabila membabitkan institusi pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka penglibatan pihak pentadbiran sekolah dalam melaksanakan SOP pencegahan kerana iaanya memerlukan persiapan yang rapi dalam menghadapi wabak yang semakin meningkat dan mengesyorkan tindakan pantas dan efisien untuk mengurangkan risiko kesihatan dan sosial terutama terhadap pelajar-pelajar sekolah (Wise, 2020).



1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, lima objektif telah di bina seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap situasi norma baru COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban.
- ii. Mengenal pasti tahap penerimaan pelajar tentang situasi norma baru COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban.
- iii. Mengenal pasti tahap keberkesanan perlaksanaan SOP norma baru COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban.





- iv. Mengenal pasti hubungan antara tahap kesedaran pelajar dengan penerimaan situasi norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban.
- v. Mengenal pasti hubungan antara penerimaan pelajar dengan keberkesanan perlaksanaan SOP norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, lima persoalan kajian telah di bina seperti berikut:



i. Apakah tahap kesedaran pelajar terhadap situasi norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban?

ii. Apakah tahap penerimaan pelajar tentang situasi norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban?

iii. Sejauh manakah tahap keberkesanan perlaksanaan SOP norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban?

iv. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesedaran pelajar dengan penerimaan situasi norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban?

v. Adakah terdapat hubungan antara penerimaan pelajar dengan keberkesanan perlaksanaan SOP norma baharu COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban?





1.6 Skop Kajian

Kajian ini adalah tertumpu kepada pelajar tingkatan enam yang dibenarkan persekolahan paling awal pada pasca COVID-19. Pemilihan ini selari dengan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia mengarahkan semua pelajar yang bakal mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan peperiksaan antarabangsa yang setara dibenarkan kembali ke sekolah pada 24 Jun 2020. Daerah Seremban, Negeri Sembilan telah dipilih untuk kajian ini kerana Negeri Sembilan adalah antara negeri yang mencatatkan kadar jangkitan COVID-19 yang tinggi sejak negara dilanda wabak ini dan memiliki kepadatan pelajar yang tinggi kerana persekitaran penduduk yang padat (Utusan Online, 2021). Kajian ini tertumpu kepada mengenal pasti tahap kesedaran dan penerimaan para pelajar terhadap SOP pencegahan wabak COVID-19 di dalam persekitaran sekolah. Selain itu, kajian ini akan mengenal pasti hubungan yang mungkin wujud antara tahap kesedaran pelajar dengan penerimaan norma baru, serta hubungan antara penerimaan pelajar dengan keberkesanan pelaksanaan SOP norma baru COVID-19 di dalam persekitaran sekolah di Daerah Seremban.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian dilaksanakan secara kuantitatif untuk melihat tahap kesedaran dan penerimaan terhadap norma baharu perlaksanaan pencegahan wabak COVID-19 dalam kalangan pelajar di sekolah menengah Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Memandangkan





kadar jangkitan COVID-19 yang merebak di dalam negara, ia mencipta satu persepsi negatif terhadap pelbagai usaha kerajaan dalam membendung dan memperkenalkan SOP tertentu ke atas pelajar kerana keperluan membuka kembali sekolah bagi menyediakan pelajar menengah menghadapi peperiksaan utama negara sangat kritikal. Oleh yang demikian, pengkaji berhasrat mengenal pasti situasi sebenar yang bakal dihadapi para pelajar ini bagi meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam norma baharu dengan pelbagai kekangan serta peraturan pencegahan wabak yang ketat.

Kajian ini berkepentingan kepada kerajaan untuk mengenal pasti keberkesanan SOP norma baharu yang diperkenalkan oleh KKM dalam usaha mencegah penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian ini juga dijangkakan mampu menambahbaik mana-mana prosedur yang diperketatkan agar tidak membebankan pihak pengurusan sekolah selain mengurangkan kesan terhadap kesihatan fizikal mahupun emosi pelajar. Kajian ini dijangka mampu menyumbang fakta dan pendekatan ilmiah bagi membantu pihak pengurusan sekolah serta KPM bagi menambahbaik sebarang prosedur pencegahan, implementasi serta urus tadbir norma baharu COVID-19 di semua sekolah dalam Malaysia. Selain itu, pihak sekolah juga bakal mendapat manfaat dalam mengenal pasti sejauh mana kesedaran dan penerimaan pelajar terhadap SOP norma baharu yang dilaksanakan. Komitmen pihak sekolah mampu dinilai semula dalam usaha mempertingkatkan kualiti perlaksanaan norma baharu termasuk mengemas kini prosedur-prosedur tertentu berdasarkan keupayaan pelajar mengikut kesesuaian keadaan.

Manakala dari konteks kepentingan pelajar, mereka dapat didedahkan kepada mekanisme yang lebih sistematik dalam meningkatkan kesedaran supaya perlaksanaan





SOP norma baharu ketika sesi persekolahan bersemuka dijalankan bukan sekadar disebabkan tuntutan peraturan bahkan meningkatkan pemahaman kepada pelajar terhadap pencegahan penularan jangkitan wabak ini selain membiasakan diri dalam persekitaran yang bersih, selamat dan selesa. Seterusnya, daptan yang diperolehi dalam kajian ini mampu memberi gambaran yang jelas tentang situasi sebenar yang dilalui oleh para pelajar, guru-guru serta pihak pentadbiran sekolah dari segi mencapai matlamat garispanduan pembukaan sekolah seperti yang telah disarankan oleh pihak KPM.

Kepentingan kajian ini kepada ibu bapa dan penjaga pula adalah mereka dapat mengetahui tahap kesedaran, penerimaan, dan keberkesanan implementasi SOP norma baharu dalam kalangan anak-anak mereka khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini dapat membantu dan memberikan garis panduan awal kepada mereka supaya dapat merancang langkah-langkah terbaik yang perlu dilakukan sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran bagi anak-anak mereka sama ada di sekolah maupun di rumah. Situasi ini penting bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan walau dalam apa jua keadaan khususnya sewaktu pandemik COVID-19 melanda.





1.8 Definasi Istilah

1.8.1 COVID-19

Wabak baharu ini dikenali sebagai Novel Coronavirus (2019-nCoV). Namun, wabak ini tidak hanya menyerang Wuhan, China, sebaliknya turut merebak ke seluruh dunia. Virus 2019-nCoV kemudiannya lebih dikenali sebagai COVID-19 yang merupakan singkatan bagi Coronavirus Disease 2019. Akibat daripada penularan wabak tersebut iaitu pada 12 Mac 2020, WHO dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit telah mengisyiharkan COVID-19 sebagai pandemik, iaitu penyakit yang menyerang dalam skala yang besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, malah boleh melarat ke serata dunia.



1.8.2 Norma Baharu

Buheji (2020) mendefinisikan norma baharu sebagai transformasi kehidupan manusia yang perlu dilakukan untuk hidup bersama virus COVID-19 yang masih belum ditemui cara untuk menghapuskannya. Antara norma baharu yang diamalkan ialah penjarakan fizikal yang ketara, peningkatan kebersihan, penutupan sektor-sektor industri dan cara perniagaan yang berubah kepada transaksi atas talian pada skala besar. Secara konseptualnya, norma baharu dalam kajian ini melibatkan pematuhan SOP yang ketat dalam persekitaran sekolah bagi menghalang penyebaran virus COVID-19 terhadap pelajar sekolah.





1.8.3 SOP (*Standard Operation Procedure*)

Menurut Taylor (2012), SOP adalah kaedah yang ditetapkan untuk diikuti secara rutin untuk pelaksanaan operasi yang ditentukan atau dalam keadaan tertentu. Dalam konteks kajian ini, WHO, 2020 telah menyediakan SOP tertentu sebagai langkah-langkah mencegah jangkitan COVID-19 ini dalam persekitaran sekolah. Menurut Lo Moro et al. (2020), SOP pencegahan jangkitan COVID-19 perlulah menfokuskan kepada tiga perkara utama iaitu keselamatan dari aspek kebersihan persekitaran bangunan serta persekitaran sekolah, menilai kemajuan dan mengurangkan kesan kehilangan pembelajaran pelajar dan menjamin kesejahteraan termasuk kesihatan mental, psikososial dan fizikal pelajar.



1.8.4 Maklumat Formal dan Tidak formal

Raith (2019) telah mendefinisikan maklumat formal sebagai maklumat yang diperolehi dari sumber rasmi seperti media massa, surat khabar, surat dan dokumentasi tidak kira sama ada secara fizikal mahupun elektronik. Manakala maklumat tidak formal adalah terdiri daripada sumber perbincangan verbal, sumber proses sosial, maklumat dari media sosial dan laman web sesawang dan sumber-sumber lain dari luar persekitaran operasi formal. Secara konseptualnya maklumat formal dan informal dalam kajian ini adalah sumber yang diperolehi oleh pelajar sekolah berkaitan dengan penyebaran dan simptom pandemik COVID-19 serta langkah-langkah pencegahannya.



1.8.5 Kesedaran

Kesedaran merujuk kepada pemahaman dan pengetahuan seseorang tentang sesuatu perkara, isu, atau situasi (Smith & Brown, 2020). Dalam konteks kajian ini, kesedaran merujuk kepada pemahaman pelajar terhadap norma baru COVID-19, termasuk pengetahuan mereka tentang cara penularan virus, langkah-langkah pencegahan, dan tindakan yang perlu diambil dalam situasi tersebut.

1.8.6 Penerimaan

Penerimaan merujuk kepada sikap positif atau kesiapan seseorang untuk menerima dan mengikuti suatu idea, perubahan, atau norma baru (Johnson & Williams, 2019). Dalam konteks kajian ini, penerimaan merujuk kepada sejauh mana murid bersedia menerima dan mengamalkan norma baru yang berkaitan dengan COVID-19, seperti penggunaan pelitup muka, penjarakan sosial, dan langkah-langkah kebersihan.

1.8.7 Keberkesanan

Keberkesanan merujuk kepada sejauh mana suatu tindakan, langkah, atau proses dapat mencapai matlamat atau sasaran yang telah ditetapkan (Anderson & Smith, 2021). Dalam konteks kajian ini, keberkesanan merujuk kepada sejauh mana pelaksanaan SOP yang berkaitan dengan norma baru COVID-19 di dalam persekitaran sekolah dapat mengurangkan penularan virus, menjaga keselamatan pelajar dan kakitangan, serta melindungi komuniti sekolah secara keseluruhan.